

24 SEP 1998

Mahathir-Pemuda

MT UMNO AKAN TIMBANG ADUAN PEMUDA MENGENAI ZAHID, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 24 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri dan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini Majlis Tertinggi (MT) Umno akan menimbang memorandum Pergerakan Pemuda parti itu supaya tindakan disiplin dikenakan terhadap ketua pergerakan itu Datuk Ahmad Zahid Hamidi.

"Kalau Pemuda sudah hantar memorandum, MT kena timbang," kata beliau kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Beliau berkata terpulanglah kepada anggota-anggota MT sama ada tindakan perlu diambil terhadap Ahmad Zahid.

Awal hari ini, Exco Pergerakan Pemuda Umno secara rasmi mengemukakan aduan kepada MT bahawa mereka telah hilang kepercayaan terhadap Ahmad Zahid dan meminta badan tertinggi parti itu mengambil tindakan tatatertib terhadapnya.

Naib ketuanya Datuk Hishamuddin Hussein berkata, Exco Pemuda tidak lagi percaya kepada kredibiliti Ahmad Zahid mengetuai pergerakan itu kerana sikap "berdiam diri" beliau dalam membantu melaksana keputusan MT memecat Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada parti itu pada 3 Sept lepas.

Aduan rasmi dalam bentuk memorandum tiga muka surat itu diserahkan kepada MT menerusi Setiausaha Agung parti Datuk Sabbaruddin Chik yang turut menghadiri mesyuarat selama kira-kira dua jam itu.

Memorandum bertarikh 22 Sept itu ditandatangani oleh 21 daripada 25 anggota exco pergerakan itu dan enam Ketua Pemuda Negeri di luar exco.

Ahmad Zahid kini ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Ketika ditanya mengenai kedudukan Ahmad Zahid sebagai Pengerusi Bank Simpanan Nasional (BSN), Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan Pertama berkata: "Itupun kita kena kaji sama ada dia sesuai (memegang jawatan) sebagai Pengerusi BSN."

-- BERNAMA

ES RAZ NMO